

SEKILAS INFO

SESI TOWNHALL PELAN STRATEGIK UNIMAS 2030

Pada 21 Oktober 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan Sesi *Townhall* Pelan Strategik 2030 bertempat di DeTAR Putra, sebagai platform perkongsian dan libat urus bersama warga universiti dalam memperkukuh hala tuju strategik universiti bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Sesi yang dihadiri oleh pengurusan tertinggi universiti, staf akademik dan bukan akademik, pelajar, wakil agensi serta komuniti luar ini turut diserikan dengan ucapan dari Naib Canselor yang memperincikan kerangka utama pelan strategik iaitu IDEA - singkatan kepada *Inspiring People, Driving Innovation, Extending Global Influence dan Advancing Sustainability*, yang menjadi asas kepada semua inisiatif strategik universiti. Sesi ini juga menampilkan pembentangan oleh ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor yang mengupas keutamaan strategik masing-masing.

Townhall ini turut menyediakan ruang perbincangan terbuka di mana warga UNIMAS dan komuniti luar berpeluang menyalurkan pandangan dan cadangan bagi memperkukuh pelaksanaan strategi universiti. Sesi *Townhall* Pelan Strategik UNIMAS 2030 ini menjadi bukti komitmen universiti untuk melangkah ke hadapan dengan visi yang jelas iaitu untuk menjadikan UNIMAS sebuah institusi unggul, berimpak dan berdaya saing global.



PERBINCANGAN QMS BAGI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (T&L) BERSAMA BJKA DAN PPPA

Pada 28 Oktober 2025, Unit Risiko SQRC telah mengadakan perbincangan bersama BJKA dan PPPA mengenai Auditan Pengurusan Kualiti (QMS) dalam hal ehwal akademik, sebagai persediaan menghadapi audit akan datang. Sesi ini bertujuan memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran, memastikan pematuhan terhadap standard kualiti, serta mempertingkatkan mekanisme pemantauan, dokumentasi dan pelaporan akademik secara sistematik. Selain itu, perbincangan ini turut menjadi platform untuk berkongsi amalan terbaik, mengenal pasti cabaran semasa, dan merangka strategi penambahbaikan yang dapat diaplikasikan di semua fakulti. Inisiatif ini menekankan kepentingan kerjasama dan komitmen semua pihak bagi memastikan UNIMAS terus mengekalkan standard akademik yang tinggi, meningkatkan keberkesanan pengurusan kualiti, dan mengukuhkan daya saing universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.




SESI LIBAT URUS PELAN STRATEGIK UNIMAS 2030 BERSAMA PROFESOR & PROFESOR MADYA

Pada 29 Oktober 2025, UNIMAS telah mengadakan Sesi Libat Urus Pelan Strategik UNIMAS 2030 bersama para Profesor dan Profesor Madya, bertujuan mengumpulkan pandangan, cadangan, dan input strategik daripada ahli akademik kanan bagi memperkukuh hala tuju universiti. Sesi ini memberi peluang kepada peserta berkongsi pandangan mengenai sasaran serta inisiatif utama di bawah empat tonggak IDEA iaitu *Inspiring People*, *Driving Innovation*, *Extending Global Influence*, dan *Advancing Sustainability*, sambil membincangkan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan bagi memastikan pelan strategik dapat diterjemahkan secara berkesan di semua fakulti dan pusat. Perbincangan turut menekankan kepentingan kolaborasi, inovasi, penyertaan aktif warga akademik, serta penglibatan dalam penambahbaikan kurikulum, penyelidikan transdisiplin, dan inisiatif global, sejajar dengan aspirasi UNIMAS untuk menjadi universiti yang lebih berdaya saing, inklusif, dan berimpak tinggi menjelang tahun 2030.

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat TNC HEPA	6 Okt 2025
2.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat Pendaftar	7 Okt 2025
3.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat TNC AA	8 Okt 2025
4.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat PNC JIMK	15 Okt 2025
5.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat Bendahari	15 Okt 2025
6.	Perjumpaan Unit Strategi bersama Pejabat TNC PI	16 Okt 2025
7.	Sesi Townhall Pelan Strategik UNIMAS 2030	21 Okt 2025
8.	Perbincangan QMS bagi Pengajaran & Pembelajaran (T&L) bersama BJKa dan PPPA	28 Okt 2025
9.	Perbincangan Dalam Unit Strategi bersama Pengarah SQRC	29 Okt 2025
10.	Sesi Libat Urus Pelan Strategik UNIMAS 2030 bersama Profesor & Profesor Madya	29 Okt 2025
11.	Perbincangan Dalam Unit Strategi bersama Pengarah SQRC	31 Okt 2025

SOROTAN AKTIVITI »»



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis